

MORAL

Tindakan hina Islam cari publisiti murah wajar dibanteras

Awal tahun ini, dunia dikejutkan dengan kejadian serangan bersenjata ke atas pejabat majalah *Charlie Hebdo* di Perancis, yang menyebabkan 12 orang terbunuh, termasuk penyunting dan kartunis majalah berkenaan.

Majalah *Charlie Hebdo* dilaporkan bukan hanya menghina Islam, malah agama lain termasuk agama Katolik tanpa mengira sensitiviti agama berkenaan.

Lantaran itu, seluruh masyarakat antarabangsa mengutuk sekeras-kerasnya serangan seperti itu kerana ia adalah jenayah yang bertentangan dengan ajaran mana-mana agama dunia, sedangkan pemimpin global sentiasa mengambil langkah menyeluruh menyeru kepada moderasi, persefahaman antara budaya dan hormat-menghormati antara satu sama lain serta menentang ekstremisme dan keganasan.

Penghinaan terhadap agama bukanlah baharu di Eropah, malah ramai masih ingat buku karangan Salman Rushdie bertajuk *Satanic Verses* pada tahun 1988 yang mencetuskan kemarahan penduduk Islam seluruh dunia.

Tambahan lagi, Ayatollah Khomeini dari Iran pernah menjatuhkan hukuman bunuh kepada Rushdie kerana menulis buku bersifat provokatif.

Hakikatnya, tindakan menghina agama tidak pernah menda-

tangkan manfaat terhadap masyarakat secara amnya. Malah tindakan tidak bermoral ini hanya memakan diri sendiri dan memberi impak negatif terhadap pe-
laku.

Kejadian seumpamanya turut berlaku di Pakistan di mana mahkamah menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan denda sebanyak 200,000 rupee (RM6,000) terhadap seorang kanak-kanak lelaki Kristian atas tuduhan menghantar mesej yang menghina Islam. Perbalahan seperti ini pastinya akan lebih parah dan akhirnya nanti jalan perdamaian pastinya sukar untuk menemui noktahnya.

Cuba cari publisiti

Tidak kurang juga dengan apa yang berlaku di Malaysia. Sama ada mencari publisiti murahan atau sengaja mencari pasal, Alvin Tan beberapa kali dilihat mempersendakan Islam yang mana tindakan itu mengundang kemarahan pelbagai pihak, termasuk bukan Islam.

Ramai pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik tampil menegaskan perbuatan itu tidak mewakili kaum Cina dan bukan Islam.

Perbuatan itu bukan sahaja merosakkan keharmonian masyarakat majmuk, malah turut memalukan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat dan mengamalkan nilai murni.

Diharap pihak berkenaan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Peguam Negara tegas mengambil tindakan undang-undang terhadap salah laku sedemikian.


Agama Islam sudah lama termaktub dalam Perlembagaan. Menjadi tanggungjawab bersama semua pihak yang diamanahkan mempertahankan dan terus memelihara Islam.

Di samping itu segala bentuk produk menghina Islam melalui penulisan, kartun dan video klip perlu dihentikan serta-merta demi keharmonian beragama di negara ini.

Mereka yang enggan dan terus berdegil perlu membayar harga yang tinggi atas perbuatannya dan bersedia menghadapi akibatnya.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek juga pernah menyuarakan hasrat supaya SKMM dibantu pasukan polis mengambil tindakan dan memastikan pihak terbabit diheret ke muka pengadilan.

Penyalahgunaan media sosial sudah mencapai tahap melam-



FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bharian.com.my

Bantahan terhadap majalah *Charlie Hebdo* yang menghina Islam dijalankan di seluruh dunia.

[GAMBAR HIASAN]

pau dan jika berterusan boleh menjejaskan keharmonian antara kaum.

Oleh itu masyarakat tanpa mengira ideologi terhadap mana-mana pihak perlu meyelar sikap tidak bertanggungjawab pihak yang dengan sengaja menghina kesucian agama demi menyedarkan masyarakat bahawa gejala ini ditolak rakyat Malaysia.

Individu juga mempunyai tugas yang harus diberaskan iaitu

memastikan golongan ini mendapat hukuman setimpal. Jangan takut melaporkan jika ada kes bersifat menghina agama atau kaum kepada pihak berwajib.

Sebarang permasalahan harus diselesaikan secara aman dan bertamadun supaya boleh diterima setiap masyarakat. Inilah resipi menjamin kemakmuran negara berkekalan.

Dr Nurkhamimi Zainuddin,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Universiti Sains Islam Malaysia.